



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

PENYERTAAN MALAYSIA DALAM 16TH CLEAN ENERGY MINISTERIAL (CEM16), 10TH MISSION INNOVATION MINISTERIAL (MI-10) DAN LAWATAN KERJA KE KOREA HYDRO & NUCLEAR POWER (KHNP) SAEOL NUCLEAR POWER PLANT (NPP) SITE

BUSAN, 26 OGOS 2025 – YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Dato' Sri Fadillah Yusof, telah mengetuai delegasi Malaysia ke **16th Clean Energy Ministerial (CEM16)** dan **10th Mission Innovation Ministerial (MI-10)** yang berlangsung di BEXCO, Busan, Republik Korea.

Dalam sesi **High-Level Dialogue on Power Transformation**, YAB Timbalan Perdana Menteri menekankan bahawa transformasi inovatif sistem bekalan elektrik adalah nadi utama peralihan tenaga bersih. Beliau menegaskan bahawa tanpa grid yang kukuh, fleksibel dan moden, matlamat peralihan tenaga tidak dapat dicapai sepenuhnya. Malaysia, melalui **National Energy Transition Roadmap (NETR)**, telah merangka sasaran untuk mencapai 70 peratus kapasiti tenaga boleh baharu menjelang tahun 2050 dengan memanfaatkan tenaga solar, hidro, hidrogen hijau dan system digital untuk pengurusan permintaan tenaga.

Malaysia juga menekankan kepentingan sambungtara serantau melalui **ASEAN Power Grid** sebagai pemacu kepada keselamatan bekalan elektrik.

Dalam sesi **High-Level Dialogue on Energy & Artificial Intelligence (AI)**, Malaysia berkongsi pandangan bahawa AI bukan lagi konsep teori, tetapi realiti yang sedang membentuk cara perancangan, pengurusan dan transformasi sistem tenaga. AI mempunyai potensi besar untuk meningkatkan kecekapan, kebolehpercayaan dan ramalan permintaan tenaga, khususnya dalam menguruskan integrasi tenaga boleh baharu. Pada masa yang sama, pertumbuhan pesat pusat data dan aplikasi AI menuntut keupayaan bekalan elektrik yang lebih lestari. Malaysia menegaskan bahawa jika diurus secara bertanggungjawab, AI boleh menjadi pemacu kepada peralihan tenaga bersih, manakala tenaga lestari pula menjadi asas kepada pertumbuhan teknologi AI.

Malaysia turut menyokong **CEM-MI Agenda for Action** yang dilancarkan di Brazil pada tahun 2024 sebagai kerangka penting untuk menggerakkan tindakan kolektif dan mempercepatkan pelaburan dalam infrastruktur tenaga bersih. Malaysia percaya bahawa kejayaan agenda ini memerlukan kerjasama erat antara kerajaan dan sektor swasta melalui dasar yang jelas, inovasi teknologi dan pembiayaan lestari.

Penyertaan Malaysia adalah sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan kelestarian, kesejahteraan dan inovasi demi memastikan masa depan tenaga negara lebih mampan, inklusif serta berdaya tahan.

Selain itu, YAB Timbalan Perdana Menteri telah mengadakan lawatan kerja ke **Korea Hydro & Nuclear Power (KHNP) Saeol Nuclear Power Plant (NPP) site** bagi meninjau teknologi keselamatan nuklear terkini.

Lawatan ini juga membuka ruang untuk meneroka potensi kerjasama dalam bidang tenaga nuklear sebagai salah satu sumber rendah karbon bagi menyokong peralihan tenaga Malaysia.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
26 OGOS 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

